

**LAPORAN**  
**PAM ANNUAL ARCHITECTURE STUDENT WORKS EXHIBITION 2016**  
**(PAASWE2016)**  
**YANG TELAH DIADAKAN PADA 5-9 OKTOBER 2016**  
**BERTEMPAT DI 1 UTAMA SHOPPING CENTRE (GROUND FLOOR HIGHSTREET)**

---

Sebagai acara tahunan pelajar Seni Bina di Malaysia, '***PAM Annual Architecture Student Works Exhibition***' (PAASWE) sekali lagi diadakan pada tahun ini di 1 Utama Shopping Centre, Bandar Utama, Petaling Jaya, Selangor dari 5-9 Oktober 2016.

Bertemakan '*ARCHInteraction*', PAASWE2016 yang juga merupakan sebuah pertandingan pameran ini telah disertai oleh 20 buah universiti dan institut pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara, termasuk Universiti Sains Malaysia yang telah diwakili oleh 10 orang pelajar Senibina dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (PBP). Kumpulan pelajar Senibina ini terdiri daripada 8 orang pelajar Tahun 3 serta 2 orang pelajar Tahun 2 dan diketuai oleh Sdr. Muhamad Amirul Faiz Fazlee.

Tahniah diucapkan kepada kumpulan pelajar tersebut yang telah memenangi Anugerah Perak (*Silver*) bagi pertandingan '*Best Booth Display Award*' manakala untuk pensyarah penyelia iaitu Dr. Mazran Ismail diucapkan berbilang terima kasih atas bimbingan yang diberikan.

Semoga pada masa yang akan datang lebih banyak pencapaian cemerlang dapat dihasilkan oleh para pelajar dan pensyarah Pusat Pengajian PBP.



(Dr. Mazran Ismail dan pelajar – pelajar yang mengambil bahagian)



(Hasil karya pelajar)



(Anugerah yang dimenangi)